



SEMINAR KHAS PERWAKILAN



5 Mei 2018, Kuala Terengganu – Bertempat di TH Hotel & Convention Centre Terengganu telah berlangsung Seminar Khas Perwakilan MAPT ke 67. Seminar yang berlangsung setengah hari ini mendapat maklumbalas positif daripada 280 peserta yang terdiri dari Anggota Lembaga, perwakilan, dan pekerja Koperasi TNB telah dirasmikan oleh Pengerusi Koperasi TNB, YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar.

Sesi pertama seminar ini ialah taklimat Infaq Lil-Waqaf disampaikan oleh Encik Mohd. Safian Abdul Rahman, ANGKASA. Seminar ini telah memberi peluang kepada Koperasi dalam Sesi Ke Dua untuk berkongsi pengetahuan dan idea berkenaan produk dan perkhidmatan Koperasi TNB khususnya produk Pembiayaan yang telah disampaikan oleh Encik Zulkefle bin Ab Rahim, Pakej Pelancongan KTNB Travel & Tours Sdn. Bhd. oleh Puan Zurita binti Zulkifli, Pakej Backpackers KopTown Hotel oleh Puan Noorshazlinda binti M. Zaibullah dan Shopping Online di laman web Bazaria.com oleh Encik Rino Izwan bin Mohd Eusoff.

Seminar ini juga dihangatkan dengan Forum Takaful / Insurans yang bertajuk Perlindungan Takaful & Insurans Kenderaan : Siapa, Mengapa & Berapa?. Moderatornya Encik Rino Izwan Bin Mohd Eusoff, Pengurus Pembangunan dan Bisnes Baru Koperasi TNB manakala panelnya Encik Khairuddin Bin Ibrahim dari Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Encik Zahoringe Bin Basiran dari Etiqa Takaful Berhad dan Encik Azman Bin Amzah dari Kurnia AmGeneral Berhad.

MAJLIS PERASMIAN DAN MAKAN MALAM MAPT KE 67



5 Mei 2018 juga telah berlangsung Majlis Perasmian dan Makan Malam MAPT ke 67. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Wira Roslan Ab Rahman, Ketua Pegawai Korporat TNB. Di Majlis Perasmian itu juga telah menyaksikan penyampaian Anugerah Khas Pencarum Terbaik kepada Y.Bhg. Dato' Lim Tong Kang dan Encik Sugumaran a/l Vairavappillai manakala Anugerah Khas Keanggotaan Terbaik Koperasi TNB diberikan Encik Sundaram a/l Irulappan. Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) ke 67 turut diserikan dengan kehadiran Encik Zahari bin Omar, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Persekutuan.

PENGISYTIHARAN DIVIDEN RM12,451,098



6 Mei 2018 telah berlangsung Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 67 (MAPT) yang telah dipengerusikan oleh YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar, Pengerusi Koperasi TNB. YM Pengerusi Koperasi TNB telah mengistiharkan pembayaran dividen kepada anggota berjumlah RM12,451,098 yang terdiri daripada 10% atas Modal Saham berjumlah RM1,328,160 dan 8 % atas Modal Caruman berjumlah RM11,122,938 kepada anggota Koperasi TNB yang layak.

Di Mesyuarat Agung ini juga telah menyaksikan penyampaian Anugerah 'Member Get Member' kepada 12 orang anggota yang disampaikan oleh YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar, Pengerusi Koperasi TNB.

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD 2018/2019



Duduk dari kiri

Tn. Hj Mohd Marzuki bin Yaso (KPE), En. Radzmin Shah bin Md Shahbudin, Tn Hj Abdul Shukor bin Hassan, YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar PMC (Pengerusi), En Mohd Roszeli bin Majid, En Rahamat bin Abdullah, En Saseetharan a/l Manam

Berdiri dari kiri

En Zaraan bin Mokhtar, En Zakaria @ Nasir bin Abu Samah, En Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin, Tn Hj Mohammad Amran bin Abdul Rahman, En Krishnan a/l Ponnann, En Azizan bin Hussin

6 Mei 2018 semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 67 (MAPT), seramai 239 perwakilan yang hadir telah menunaikan tanggungjawab untuk memilih 4 Anggota Lembaga daripada 8 calon Anggota Lembaga yang bertanding di MAPT pada kali ini.

Anggota Lembaga yang berjaya dipilih adalah YM Raja Hang Tuah Bin Raja Iskandar, Encik Radzmin Shah Bin Md Shahbudin, Encik Krishnan A/L Ponnann dan Encik Azizan Bin Hussin.

Tahniah diucapkan kepada Anggota Lembaga yang telah dipilih semula dan terpilih pada pemilihan pada kali ini.



PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL & ATURAN 2018

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 67 (MAPT) sebulat suara bersetuju meluluskan pindaan Undang-undang kecil dan Aturan-aturan seperti berikut:

| | UNDANG UNDANG KECIL (SEDIA ADA) | | UNDANG UNDANG KECIL (CADANGAN PINDAAN) |
|----|--|----|--|
| | <p>Tafsiran Kakitangan TNB</p> <p>“kakitangan TNB” ertinya seorang pekerja TNB yang dilantik secara tetap;</p> | | <p>Tafsiran Kakitangan TNB</p> <p><u>“kakitangan TNB” ertinya seorang pekerja TNB atau anak syarikat TNB yang dilantik secara tetap;</u></p> |
| 67 | <p>Aset dan Kewangan Koperasi</p> <p>Dividen</p> <p>1) Kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.</p> <p>2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal yuran atau simpanan boleh keluar anggota tertakluk kepada kelulusan Lembaga sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.</p> <p>3) Sumbangan RM10 (Ringgit sepuluh) diambil daripada jumlah dividen yang diperolehi oleh setiap anggota yang layak pada setiap tahun untuk disumbangkan kepada YAYASAN KOPTENAGA</p> | 67 | <p>Aset dan Kewangan Koperasi</p> <p>Dividen</p> <p>1) Kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.</p> <p>2) <u>Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal saham atau modal yuran atau akaun simpanan tertakluk kepada kelulusan Lembaga sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan</u></p> <p>3) Sumbangan RM10 (Ringgit sepuluh) diambil daripada jumlah dividen yang diperolehi oleh setiap anggota yang layak pada setiap tahun untuk disumbangkan kepada <u>YAYASAN AMAL TENAGA.</u></p> |